

Seminar Perlembagaan Malaysia: Di Antara Sejarah dan Tuntutan Semasa-

Perlembagaan dan Perpaduan Masyarakat Pelbagai Etnik Malaysia

Sivamurugan Pandian, Ph.D
Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan
Universiti Sains Malaysia

1. Negara ini telah melalui proses pembentukan negara-bangsa selama hampir 55 tahun walaupun prosesnya telah bermula berdekad lamanya. Asas pemikiran kesemua pemimpin adalah ke atas pendefinasian identiti nasional sebagai warga Malaysia.
2. Yang mahu dicari adalah satu '*common ground*'; satu titik keseimbangan memberikan definasi kepada budaya bangsa dan kemunculan alam Melayu dengan pengaruh Hindu, Buddha, Cina, Aceh, Bugis serta kehadiran Islam.
3. Alam negara dan pemimpin juga diikat dengan intervensi penjajahan yang cuba menggugat kedaulatan bangsa, membentuk negara-bangsa acuan mereka serta unsur kapitalisme yang mempengaruhi dasar kolonialisme ketika itu termasuk dasar 'pecah dan perintah' yang mentadbir-urus Persekutuan Tanah Melayu dengan pembahagian kepada 3 termasuk Negeri Bersekutu, Tidak Bersekutu dan Negeri2 Selat. British tidak pernah membuat usaha mentadbir sebagai unit yang sama, malahan lebih tertarik dengan limpahan sumber tanahair.
4. Ada juga yang menganggap Perlembagaan dirangka untuk melindungi kepentingan ekonomi dan pertahanan British.
5. Ketika itu juga, ia turut mempengaruhi kedudukan Raja-Raja Melayu. Penjajahan juga tidak membawa perubahan yang besar kepada masyarakatnya dan ia ketara ketika kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.
6. Jika diteliti; yang diperlukan oleh negara-bangsa yang merdeka adalah pembentukan sebuah kerajaan yang ampuh, memahami persekitaran dan sejarah kedaulatannya.
7. Yang memudahkan kepimpinan waktu itu adalah perkongsian kuasa gabungan besar bercirikan kepelbagaian. Memandangkan kekuatannya adalah kepelbagaian, maka ia memberikan motivasi dan keazaman kepada kepimpinan tersebut untuk 'berkorban dan berkompromi' kerana asas kepada warisan kepimpinan adalah kepada 'demografi dan geografi' negara ini terutama faktor penghijrahan akibat pengaruh dagangan dan agama.
8. Yang ketara, asas pemikiran pembentukan Perlembagaan adalah untuk membina dan mengisi sebuah negara-bangsa, apakah bentuk yang perlu dibina dan apakah pengisian yang diperlukan?

9. Sudah pasti pembinaanya adalah berpaksikan kepada 'Kontrak Sosial': Agama, Bahasa, Institusi Raja2 Melayu, Hak Istimewa dan Kewarganegaraan.
10. Ia juga selari dengan pendirian kepimpinan hari ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri bahawa - 'teras perpaduan kita haruslah bersifat mapan. Untuk itu, asas integrasi rakyat Malaysia perlu bersandarkan nilai-nilai yang dikongsi dan dipersetujui bersama oleh semua kaum sepertimana terkandung dalam ideologi kebangsaan yakni rukun negara dan termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai kontrak sosial nasional - Ucapan Perutusan Hari Kebangsaan Ke-52, Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, Hari Kebangsaan Ke-52, 31 Ogos 2010
11. Teras utama keluhuran Perlembagaan adalah melahirkan satu identiti bangsa.
12. Kesenambungan yang wujud hari ini adalah berasaskan kepada pendirian kepimpinan yang mahu mencari satu titik keseimbangan dalam pentabiran sebuah negara yang rencam dengan alam persekitaran dan kehidupan yang unik ini.
13. Dalam mengukuhkan kedudukan tadbir-urus apatah lagi dengan pemerintahan sendiri, formulanya adalah tanggungjawab bersama dari lensa 'perkongsian' dan 'kepunyaan' dalam lingkaran politik yang terasnya adalah kaum/etnik.
14. Asas pemikiran kepimpinan adalah untuk 'mengurus hubungan antara etnik' sebagaimana yang terbukti dari formula Merdeka Compact 4+1.
15. Pemimpin mengenyakan beberapa kepentingan etnik masing-masing; semangat perkongsian hidup sebagai satu keluarga besar; toleransi, hormat-menghormati; saling faham memahami. Kepelbagaian memberi kekuatan; Prinsip asas negara tidak boleh dikompromi dan generasi baru perlu sedar kepentingannya; Tanggungjawab kewarganegaraan = tanggungjawab bersama yang termaktub dalam Perlembagaan.
16. Politik kesederhanaan menjadi pendekatan yang digunapakai untuk bebas dan memerintah sendiri tetapi lebih daripada itu, adalah formula pembinaan negara-bangsa berasaskan kepada pengurusan hubungan etnik dan pengorbanan serta kompromi tatkala itu membolehkan kita masih merdeka dan pengisian dilakukan sebaik mungkin dalam warisan kesinambungan kepimpinan.
17. Sewaktu pembentukan Perlembagaan, kita berhadapan dengan desakan luaran terutama penjajah dan desakan dalaman dari orang Melayu dan bukan Melayu tetapi akhirnya sumbangan untuk ketika itu yang juga membawa kepada penubuhan Malaysia dan penentangan komunis adalah Perlembagaan.
18. Keunikan politik gabungan membolehkan lahirnya Perlembagaan. Tanpa Kontrak Sosial, tidak mungkin wujud Perlembagaan dan tanpa ada Perlembagaan, Malaysia tidak akan mengecapi 55 tahun merdeka tahun ini.

19. Kontrak Sosial adalah gambaran hubungan etnik, kemerdekaan, Perlembagaan dan pemerintahan sendiri. Ia memberikan roh kepada hak dan tanggungjawab setiap warga Malaysia.
20. Kontrak Sosial juga adalah 'racial bargaining' dan 'gentlement agreement'. Kepelbagaian etnik harus dilihat memberikan kekuatan dan bukan sebagai liabiliti.
21. Perlembagaan pernah diuji pasca-peristiwa 13 Mei 1969; diuji mengenai resolusi konflik termasuk dilema ke atas formula yang dipersetujui sebelumnya.
22. Cabaran besar adalah krisis identiti dan pembentukan negara-bangsa akibat desakan dan bangkangan dan tentangan dari dalam dan luar.
23. Ekspektasi menggunung tinggi dan pemimpin baru mahu melanggar arus kerana kurang yakin dengan politik akomodasi; membawa kepada politik komunalisme yang ketara pada tahun 1969.
24. Dalam berhadapan dengan krisis pengisian keatas negara-bangsa, kepimpinan masih meletakkan kepercayaan ke atas 'mengurus hubungan etnik' bersaratkan kepada nilai 'perkongsian' walaupun boleh memilih untuk bersifat homogenus dari keutamaan kepada masyarakat yang heterogenus. Legitimasi ini lahir dari Perlembagaan sendiri dan bukan dokumen lain walaupun kita turut akan menghubungkan dengan Rukunegara, Wawasan 2020 dan dasar kerajaan yang lain.
25. Partisipasi politik dan pendemokrasian juga menjejaki fasa baru dalam persekitaran yang kompleks. Budaya menyanggahi kepimpinan ketika itu wujud secara halus dan kritikal.
26. Dalam alam yang penuh emosi dan kemarahan, kerajaan membuktikan kewibawaan dalam mengurus demografi dan geografi negara ini untuk menunjukkan bahawa masing-masing perlu bertanggungjawab ke atas persekitaran yang mereka huni. Kaedah untuk berhadapan dengan isu sensitif terutama sebagaimana yang sudah dipersetujui di bawah Formula Kemerdekaan; memperluaskan konsensus politik dengan penjenamaan 'kerajaan perpaduan nasional' diperkenalkan.
27. Rukunegara turut menjadi ideologi kebangsaan baru supaya dapat melahirkan masyarakat yang seimbang dan saksama.
28. Sumbangan pemikiran pemikir politik boleh dilihat dalam mengikat hubungan antara ekonomi dan politik yang melihat adanya lompong ke atas perpaduan dan hubungan etnik akibat dari jurang ekonomi antara kaum.
29. Yang ketara juga adalah pembinaan identiti bangsa berbucukan kepada kerangka luar termasuk cerminan dari dunia ketiga, penerusan tradisi hubungan dengan negara Islam dan negara-negara berkecuali.

30. Perlembagaan dan kemuafakatan antara kaum tidak dikompromi.
31. Memahami Perlembagaan dan Kontrak Sosial akan menggambarkan kekuatan dirinya untuk menjadi warga Malaysia yang setia, bangga dan mahu bersama dalam pertahankan hubungan etnik dan hak sebagai warga .
32. Siapa Warganegara? Apa hak warganegara? Jika merasakan ada 'kebebasan' / hak hari ini, persoalan dari mana datangnya 'kebebasan' / hak ini mesti dijawab.
33. Hak mempunyai beberapa elemen:-
- 1/ Pentingnya hak asasi yang dikembangkan atas maksud memelihara kepercayaan (con: akidah, ibadah dan akhlak)
 - 2/ Kepentingan nyawa manusia yang melibatkan hukum dan perundangan supaya sistem kehidupan manusia diatur atas rasa saling menghormati
 - 3/ Pentingnya dipelihara akal supaya akal menjadi sihat dan tangkas (ilmu, amalan, budaya)
 - 4/ Hak menjaga harta, tiada eksploitasi, membawa kesejahteraan
 - 5/ Keturunan yang perlu dipelihara supaya sistem keluarga terurus dengan baik dan memberi manfaat
 - 6/ Menjaga maruah supaya jati diri manusiawi tidak hilang
34. Siapakah yang menjadi pemilik perpaduan negara ini? Adakah ia milik mereka yang bergelar warga Malaysia yang sah dan berpegang kepada Perlembagaan, Rukunegara dan tatacara negara ini? Atau perpaduan ini bergantung kepada warga luar untuk menentukan pasang-surut atau turun-naik darjah ikatan hubungan interaksi antara anggotanya?
35. Sejak kebelakangan ini, banyak isu hubungan etnik menjadi persoalan yang turut disimpulkan dengan fahaman politik masing-masing. Ada yang memahami sejarah kehadiran hubungan yang rencam dan majmuk ini manakala ada pula yang mahu mendengar mengikut keselesaan masing-masing sehingga mengenyahkan rentetan susur-galur sejarah hubungan etnik semata-mata untuk memastikan ia tidak mengancam kepercayaan politik mereka.
36. Tidak ketinggalan puak yang mahu menukar sejarah agar muncul sebuah negara dengan penginstitutionan yang sejiwa dengan rasahati mereka dan bukan majoriti kerana lebih berkecenderungan berpaksikan kepada fahaman politik idealisme dan bukan realpolitik.

37. Malaysia merupakan sebuah negara yang telah melalui sejarah perubahan pembentukan lanskap yang memperlihatkan komposisi kaum yang berbeza hidup di bawah bumbung yang sama dinamakan negara-bangsa. Walau berbeza, setiap individu masih dapat meneruskan tradisi warisan bangsa yang diiktiraf melalui institusi kepercayaan masing-masing dengan berbekalkan peraturan yang sudah ditentukan; dokumennya adalah Perlembagaan.
38. Barang siapa tidak suka peraturan tersebut, mesti diakui ia adalah asas penting dalam sesebuah negara yang terdiri dari pelbagai komuniti yang akan pertahankan nilai dan norma dipersetujui oleh komuniti masing-masing. Yang pasti, tafsiran berbeza ke atas perundangan oleh ahli hukum turut mempengaruhi penerimaan ke atas sistem sosialnya.
39. Sistem penyampaian ada kelemahan dan dalam konteks hari ini, ia cuba diperbaiki.
40. Perlembagaan dan Perpaduan juga bergantung kepada hubungan resiprokal penggubal, pelaksana dan kumpulan sasaran jika mahu mantapkan kemufakatan dalam kalangan ahli masyarakat.
41. Nilai dominan dalam mahu melakar hubungan etnik yang baik adalah hormat, faham dan menerima antara satu sama lain. Ia beranjak dari semangat bertolak ansur agar penerimaan menunjukkan bahawa ada bibit-bibit nilai kemanusiaan sejagat yang diiktiraf dan diberikan makna yang signifikan dalam kehidupan seharian.
42. Hubungan etnik negara ini telah melalui beberapa fasa yang akhirnya menunjukkan bahawa jika sekiranya ia masih bersifat retorik dan kosmetik sahaja, kesannya akan dirasai oleh generasi akan datang. Sejak kemerdekaan sehingga ke hari ini, yang dilihat adalah walaupun ada peristiwa yang tidak diinginkan berlaku, tetapi akhirnya kemufakatan dan keharmonian menjadi tunjang kekuatan agar ia tidak menghancurkan segala yang sudah dibina sekian lama. Ada yang menjadi pasrah dengan apa yang ada, ada pula yang tegar dengan pendirian etnosentriknya tetapi segalanya masih terkawal kerana suburnya nilai ini dalam Perlembagaan.
43. Soalnya, perpaduan milik siapa? Seiring dengan proses modenisasi dan pembangunan, kadar celik telah bertambah. Emansipasi wanita juga jauh berubah. Prasarana dan kemudahan asas mencapai tahap yang jauh memberangsangkan berbanding dengan negara pesat membangun yang lain. Adakah perubahan fizikal ini turut mempengaruhi minda dan mindset rakyat dalam menyelami nilai perpaduan? Apakah ini membenarkan rombakan/pindaan ke atas Perlembagaan mengikut acuan politik ataupun kepentingan keharmonian/perpaduan yang masih utuh di bawah Perlembagaan yang ada perlu diusik?
44. Tuntutan dan kemahuan masyarakat berubah bersama dengan persekitaran baru. Dengan celik huruf meningkat, sejarah hubungan etnik sudah turut berubah kerana masing-masing sudah boleh memiliki apa sahaja yang dimahukan dan kesemua itu dapat dilakukan kerana adanya proses pembangunan dalam negara.

45. Perkembangan kenegaraan telah menyebabkan ada yang terkehadapan dan ada pula masih terkebelakang. Ia bukan sahaja berlaku antara kumpulan etnik tetapi juga dalam sesuatu kumpulan etnik. Ia berlaku di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Ia berlaku dikawasan luar bandar dan bandar pula merebak kemiskinan bandar. Namun, ia adalah proses yang perlu dilalui kerana mana-mana negara sekalipun, masalahnya tetap sama. Tidak akan ada kepuasan yang tetap dan ia merentasi kumpulan etnik.
46. Namun, kepentingan 35% di bawah garis kemiskinan perlu dijaga kebajikan akan tidak songsang dengan kehidupan berkualiti dan tidak hanyut dalam proses globalisasi yang menjadikan yang kaya menjadi kaya dan yang miskin menjadi miskin. Indikator terbaik adalah tanggungjawab meringankan beban kelompok dari mana-mana etnik sekalipun dengan kemudahan asas dan keperluan seharian agar jiwa merdeka Malaysia tidak dicabut dari dirinya. Titik peluh mereka juga telah menyumbang kepada kemerdekaan dan pengisian ke atas kemerdekaan serta pembinaan Perlembagaan. Perlembagaan turut memelihara hak mereka sebagaimana hak warga yang lain kerana Perlembagaan Malaysia adalah untuk keseluruhan rakyat Malaysia tanpa wujud Perlembagaan yang berbeza mengikut latar belakang etnik dan kelas masyarakat.
47. Perkembangan dalam sesuatu etnik mahupun etnik lain juga telah membawa kepada lahirnya kelas dalam masyarakat, berkelas atasan, menengah dan bawahan. Kelas menengah semakin membesar dalam kalangan masyarakat negara ini tetapi itu tidak bermakna mereka terlepas dari gigitan ekonomi dengan peningkatan kos kehidupan yang juga terpaksa dilalui akibat proses perubahan pembangunan negara. Waktu yang sama, walaupun berlaku perjuangan antara kelas; golongan ekstremisme dan prejudis juga bertambah walaupun ada sarjana bertanggungjawab dengan perubahan persekitaran politik, ekonomi dan sosial, kumpulan sederhana ataupun pertengahan akan meningkat dan melebarkan kelompok liberal yang tidak terlalu radikal. Cabaran jelas adalah sebarang perubahan, pembangunan dan pertumbuhan tidak boleh berlaku tanpa adanya nilai muhibbah dalam konteks masyarakat rencam Malaysia.
48. Perpaduan adalah milik bersama. Ia tidak boleh dikompromi. Walaupun pasaran bebas global mencipta kepentingan ekonomi sehingga mempengaruhi setiap kelompok etnik dan kelas dalam stratifikasi masyarakat, peraturan lisan hubungan etnik tidak perlu diubah termasuk hubungan pemimpin dan masyarakat; masyarakat dengan masyarakat berlainan latar belakang; dan lebih daripada itu walau berbeza keturunan, kepercayaan, gender dan fahaman politik sekalipun, konflik mesti dielak dan kedamaian perlu dipelihara berlandaskan kepada hukum/Perlembagaan yang sudah diwartakan.
49. Kelas menengah dan atasan boleh menentukan arah negara tetapi ini tidak bermakna kestabilan dan keadaan yang aman boleh dikorban. Demokrasi yang sejahtera nilainya dan stabil bergantung kepada jurang antara etnik dan dalam sesuatu etnik. Aktivitas perubahan tidak boleh diberi laluan akibat dorongan nafsu kekuasaan. Hukum harus dihormati dalam perjalanan pembentukan masyarakat sivil agar hak dan tanggungjawab dialas bersama.

50. Demografi dan geografi negara ini adalah kekuatan kepada perancangan masa depan. Kepelbagaian adalah harta pusaka yang tidak ada tolak bandingnya yang boleh dijual-beli. Ia tidak boleh didagangkan hanya kerana nafsu pangkat dan kedudukan. Masing-masing boleh menyumbang kepada kekuatan dan bukan mencari kelemahan kerana kebergantungan kepada luar untuk meresap masuk boleh mengancam pembinaan sebuah negara-bangsa yang dicemburui ramai sehingga ke hari ini.
51. Pelbagai wajah sebenarnya menyumbang kepada pencapaian tanahair. Penyatuan perlu dengan sifat kepunyaan agar kita bangga sebagai seorang warga. Berprinsipkan seorang yang berjiwa Malaysia, fasih berbahasa Malaysia dan menjunjung keluhuran Perlembagaan, tanah air tidak boleh diikat dengan sentimen yang boleh meroboh bumbung bersama di bawah satu keluarga yang ada jiwa berkompromi dan berkorban tanpa menyoal siapa dahulu perlu melakukannya ataupun siapa bertanggungjawab melakukannya.
52. Destinasi hubungan etnik tidak ada penghujungnya. Ia adalah satu perjalanan dan setiap kita ada kekuatan dan kelemahan. Sandaran utama adalah bagaimana meroboh benteng-benteng pemisah agar jambatan kekuatan mendukung kelemahan tidak berputus ikatan jambatan ini hanya kerana perbezaan yang boleh diatasi jika diketepikan kepentingan peribadi dan memberi laluan kepada kepentingan bersama.
53. Jangan disoal perpaduan milik siapa kerana masing-masing ada tanggungjawab walau sebagai seorang kanak-kanak tadika, pelajar sekolah rendah, individu sekolah menengah mahupun mahasiswa; dewasa yang bekerja sebaik tukang kebun, penganggur, pekerja kilang, ahli sukan, guru, pembersih, peneroka, pengajar, penjual roti, kontraktor, agen insuran, jurujual, pensyarah, ahli perniagaan, ulamak, eksekutif syarikat, doktor, peguam, remaja, tua, pemimpin, penghulu, polis, pentadbir, tentera, pembesar dan sesiapa sahaja; perpaduan tidak ada nilai permintaan dan penawaran jutawan ataupun bangsawan, yang ada hanya kesungguhan untuk memastikan ia tidak digadai demi masa depan generasi akan datang.
54. Keikhlasan dan kejujuran menjadi teras kekuatan pemilikan perpaduan negara ini. Pengisian ke atas pembentukan identiti nasional penting agar ia tidak menjadi taruhan untuk curigai amanah sebagai seorang warga.
55. Pemilikan perpaduan bukan sekadar dilihat pada basahan bibir tetapi dipamer melalui amalan dan praktis sebagai contoh berterusan warisan ketamadunan dalam persekitaran baru tanpa mengubah asas kemuafakatan terbina dari kedayapayaan kesinambungan yang wujud dalam Perlembagaan.
56. Merekacipta semangat pemilikan perpaduan terasnya adalah tanpa sama sekali mengenepikan tradisi jiwa etniknya kerana ia lahir dalam dirinya; waktu yang sama menjadi orang Malaysia, hati nuraninya Malaysia dan memperkasakan kepentingan bersama berjiwakan Malaysia dengan tidak mengancam keselamatan menyeluruh yang terbina atau menggadaikan kekebalan kedaulatan Malaysia kerana tidak berselera menjadi orang Malaysia bertopengkan budaya luar akibat dakyah

pihak tertentu dipinjam dari amalan individualistik dan materialistik. Anasir ini tidak boleh dibiarkan begitu sahaja seperti perumpamaan ‘hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri’, lebih baik negeri sendiri kerana kita adalah pembekal dan pemilik perpaduan sebenar kepada negara ini.

57. Walaupun banyak cabaran sudah dilalui ke atas isu perpaduan, Malaysia masih diiktiraf sebagai negara yang aman. Dokumen yang menentukan masa depan perpaduan adalah Perlembagaan baik secara idealis mahupun realisnya. Isu berkaitan dengan kewarganegaraan, kebebasan beragama, berkaitan dengan pendidikan, bahasa, budaya, politik akomodasi, hak istimewa kepada Sabah dan Sarawak, amalan pentadbiran, semuanya termaktub dalam Perlembagaan.
58. Tolak-ansur dan penerimaan menjadi kekuatan Perlembagaan ini. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Profesor Shad – ‘the spirit that animates the Constitution is one of moderation, compassion and compromise’.
59. Sebagai kesimpulan, ketika fajar menyingsing tatkala kita menjejaki tahun 2020, apakah kita mampu melahirkan bangsa Malaysia dengan pendefinasiannya merujuk kepada seorang yang bangga menjadi warga Malaysia, fasih berbahasa Melayu dan menjunjung ketertinggian Perlembagaan sebagaimana yang dikonseptualisasikan oleh mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad? Tahun 2020 akan melihat individu yang menghuni negara maju dan terkelompok dalam negara kelas pertama. Waktu yang sama yang mahu dilihat adalah masyarakat kelas satu, yang ada ilmu, kebolehan dan kemahiran yang kesemuanya diselaputi oleh nilai karakter mulia yang berpusatkan bukan sahaja nilai moral tetapi nilai patriotisme dan nasionalisme yang mencakupi 3 nilai besar untuk menjadi bangsa Malaysia termasuk memastikan Perlembagaan tidak akan dikompromi.
60. Mempertahan hak pelbagai etnik menjadi tanggungjawab bersama sebagaimana tanggungjawab ke atas Perlembagaan Negara
61. Kemuafakatan perlu dipraktis; fahami nilai perkongsian; tasamuh, ukhwah, fitrah kenal-mengenal penting; Perbezaan pandangan, pendapat dan kepercayaan ditangani secara berhemah; bermoral dan bermusyawarah
62. Membina hubungan etnik yang kukuh memakan masa; mempertahankannya getir; meruntuhkannya tidak akan memakan masa yang lama?
63. Keluhuran Perlembagaan memastikan kedaulatan negara terpelihara; membina bangsa yang makmur dan sejahtera
64. Setiap etnik berperanan memelihara kesejahteraan masyarakat; PELENGKAP Wawasan 2020
 - a. memerlukan kompromi dan kerjasama serta menerima perbezaan
 - b. aspirasi pada Perlembagaan dan Rukunegara

- c. menanam nilai kemanusiaan
 - d. strategi membina keyakinan menyeluruh perlu
 - e. kesedaran, pemahaman dan penerapan
65. Setiap individu perlu mencari titik keseimbangan bersama demi masa depan generasi akan datang.
66. Kejayaan memahami perpaduan dalam Perlembagaan bergantung kepada kekuatan setiap individu dalam negara ini yang mahu melihat negara ini terus makmur, maju dan rukun termasuk pemimpin; melahirkan generasi yang mahu keamanan, kesejahteraan dan muhibbah.